

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 24 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN NO. 20

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pelaburan digital dan jumlahnya yang masuk ke Malaysia ekoran dasar kabotaj yang enggan diberikan pengecualian untuk pembaikan semula kabel digital dasar laut dan adakah Facebook, Microsoft, Google dan Amazon kini bersetuju dengan dasar kabotaj beliau selepas menulis tiga surat bantahan serta sejauh manakah projek Apricot sepanjang 12,000 km kini akan melibatkan Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), jumlah pelaburan digital yang direkodkan pada tahun 2020 adalah melebihi RM6.65 bilion.
2. Walaupun pengecualian dasar kaboutaj bagi kapal asing yang melaksanakan kerja-kerja pembaikan kabel dasar laut telah dibatalkan mulai 15 November 2020, namun negara kita tetap mencatatkan prestasi yang baik dalam menarik pelaburan digital pada tahun 2021.
3. Nilai projek digital yang telah diluluskan di peringkat Jawatankuasa Pelaburan Kebangsaan (NCI) bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM3.4 bilion. Ini tidak termasuk projek-projek bernilai RM39.6 bilion yang telah diluluskan secara dasar dan sedang menunggu formaliti proses kelulusan NCI.
4. Pada masa ini terdapat beberapa pelaburan digital berpotensi yang sedang dalam peringkat fasilitasi atau dalam perbincangan antara Pejabat Pelaburan Digital (DIO) yang diterajui oleh MIDA dan MDEC dengan pihak pelabur. Pelaburan digital ini merangkumi antaranya projek-projek teknologi dan infrastruktur digital seperti pusat data, pengkomputeran awan, keselamatan siber dan robotik.
5. Ini membuktikan bahawa pelaksanaan Dasar Kaboutaj di Malaysia tidak menghalang kemasukan pelaburan asing dalam industri digital. Malahan, projek kabel dasar laut baharu seperti sistem kabel MIST dan sistem kabel India-Asia Xpress (IAx) turut dilaksanakan semasa Dasar Kaboutaj masih berkuatkuasa.
6. Untuk makluman Yang Berhormat, Jemaah Menteri pada Oktober 2021 telah bersetuju untuk mengekalkan pembatalan pengecualian Dasar Kaboutaj bagi kapal asing yang melaksanakan kerja-kerja pembaikan kabel dasar laut.

7. Saya ingin menegaskan bahawa walaupun pengecualian tersebut telah dibatalkan, kapal asing masih dibenarkan melaksanakan kerja pembaikan kabel dasar laut setelah ketiadaan kapal tempatan disahkan. Malah sejak pembatalan pengecualian tersebut pada November 2020, kesemua Lesen Perkapalan Dalam Negeri (DSL) bagi kapal asing yang terlibat dalam kerja pembaikan kabel dasar laut telah diluluskan dalam tempoh tiga hari bekerja sahaja; berbanding dengan lima hingga tujuh hari ketika pengecualian tersebut masih berkuatkuasa. Justeru, pembatalan pengecualian serta Dasar Kabotaj tidak wajar terus dijadikan polemik oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mengelirukan pemain industri dan pelabur.
8. Kementerian Pengangkutan akan terus memainkan peranan memudahcara (*facilitate*) dalam memastikan pelaksanaan Dasar Kabotaj dapat mengimbangi kepentingan industri perkapalan dan pembangunan ekonomi digital negara. Pada masa ini, sistem eDSL serta proses kerja permohonan DSL yang telah ditambahbaik membolehkan DSL dikeluarkan paling cepat dalam tempoh tiga hari bekerja sahaja. Proses permohonan yang merangkumi penerimaan permohonan, semakan permohonan oleh pegawai Kementerian, pembayaran dan cetakan lesen adalah dibuat sepenuhnya melalui dalam talian. Jika dibandingkan kaedah manual sebelum ini, sistem eDSL bukan sahaja lebih cekap dan telus, malah ia memudahkan pemohon lesen serta menyakinkan mereka kerana setiap peringkat proses permohonan telah ditetapkan had tempoh kerja bagi memastikan tiada kelewatan yang berlaku dalam setiap peringkat permohonan.
9. Demi memastikan maklumat dan fakta yang tepat dapat disampaikan dengan lebih efektif kepada segmen industri dan pelabur yang berkaitan, Kementerian Pengangkutan akan menggandakan usaha dalam melaksanakan pelan komunikasi Dasar Kabotaj. Dalam perkara ini, Kementerian Pengangkutan akan berkerjasama rapat dengan Kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta agensi-agensi promosi pelaburan (IPA).

10. Saya yakin penyaluran maklumat yang tepat dan usaha proaktif untuk berinteraksi dengan golongan pelabur adalah antara langkah yang penting dalam menangkis persepsi yang kurang tepat dan seterusnya mempertingkat keyakinan mereka untuk membuat pelaburan di Malaysia, terutamanya pelaburan digital.

11. Ini dapat dibuktikan melalui sesi debat antara saya dengan Yang Berhormat Bagan pada 2 November 2021, masyarakat umum dan pihak industri telah memperoleh pemahaman yang lebih mendalam dan jelas berhubung pelaksanaan dan rasional Dasar Kobotaj negara kita.

12. Misalnya, sewaktu Perbincangan Meja Bulat yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Jeli pada 15 Disember 2021, yang melibatkan kementerian/ agensi kerajaan dan US-ASEAN *Business Council* (US-ABC) yang diwakili oleh pelabur-pelabur ternama Amerika Syarikat, termasuk Amazon, Google, IBM dan Cisco. Tidak ada pelabur pun yang menyuarakan bantahan atau aduan berhubung pembatalan pengecualian bagi kerja pemasangan kabel dasar laut. Malah, prosedur operasi standard (SOP) Kementerian Pengangkutan untuk mengeluarkan DSL dalam masa tidak lebih dari 10 hari telah diberi penghargaan oleh Google.

13. Saya juga telah terangkan sebelum ini bahawa kabel dasar laut projek Apricot adalah melalui Lautan Pasifik yang dari segi geografinya tidak melalui Malaysia. Lagipun, Malaysia memang tidak dilibatkan sejak permulaan perancangan projek ini pada 2017.

14. Walau bagaimanapun, sistem kabel dasar laut MIST yang menghubungkan India, Myanmar, Thailand, Singapura dan Malaysia akan disambungkan dengan sistem kabel Apricot. Justeru, Malaysia akan disambungkan secara terus dengan Taiwan, Jepun dan Guam melalui rangkaian sambungan yang melebihi 18,000 km ini.

15. Tambahan lagi, sistem kabel India Asia Express (IAX) yang akan mendarat di Malaysia juga akan disambung dengan sistem kabel Echo. Sambungan dua sistem kabel ini membolehkan negara kita mendapat manfaat dengan tambahan sambungan terus ke India dan Amerika Syarikat. Manakala sistem kabel Intra-Asia Express yang kini dalam

NO. SOALAN: 20

perancangan, akan menyambungkan Jepun dengan Malaysia melalui Sarawak.

Sekian, terima kasih.